

**SATU ANALISA KUANTITATIF MENGUKUR
BIAS DALAM AKHBAR TEMPATAN**

BALBEER



ARKIB

HADIAH

SATU ANALISA KUANTITATIF MENGUKUR
BIAS DALAM AKHBAR TEMPATAN

oleh

BALBEER S. JESSY

LATIHAN ILMIAH

UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT - SYARAT IJAZAH SARJANA MUDA
SASTERA DENGAN KEPUJIAN
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

1983



"For to voluntarily embrace the philosophical cause of liberalism is one thing, but to be embraced by the chains of the Advertiser, Publisher, Stockholder, Political Party, particular Forum Organisation, particular Management or labor Organisation is another".

- PARK REGION ECHO,

ALEXANDRIA, MINNESOTA.

II

SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini berbentuk satu kajian mengukur bias yang terdapat di dalam akhbar di negara ini.

Melalui kajian ini beberapa hipotesis yang di bentuk ingin menunjukkan bahawa perantaraan bahasa dan ethnik :

- a) mencerminkan perbezaan dalam permainan berita (newsplay)
- b) mencerminkan perbezaan dalam luas ruang dalam akhbar.

Ia juga ingin menunjukkan bahawa akhbar Malaysia adalah berat sebelah terhadap parti politik yang melibatkan kaum di Malaysia dan juga bahawa parti memerintah seringkali mendapat perhatian khas.

Sampel untuk kajian saya ini di ambil dari akhbar " The New Straits Times", Utusan Malaysia dan Malaya Samachar - satu siri tiga akhbar yang cukup representatif. Jangkamasa sampel yang di ambil adalah dari tahun 1977 hingga ke tahun 1982 - ia itu selama enam (6) tahun. Lapuran berita yang di kaji merupakan ucapan - ucapan dasar pemimpin - pemimpin parti politik United Malays National Organisation (UMNO), Malaysian Chinese Association (MCA) dan Malaysian Indian Congress (MIC). Ucapan - ucapan yang di kaji adalah ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Tahunan parti masing - masing. Seterusnya, ucapan - ucapan yang sama dalam lingkungan jangkawaktu yang ditetapkan, di kaji dalam ketiga - tiga akhbar tersebut dan di kod mengikut teori Budd.

Bab 1 laporan ini merupakan satu pengenalan yang memberi kepentingan kajian ini. Di samping itu, satu rangka am objektif objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini diberi juga. Untuk tujuan ini, beberapa hipotesis yang sesuai di bentuk. Kesan kajian ini serta beberapa konsep juga dibincang pada dasarnya dalam bab ini.

Bab 2 menerangkan sedikit sebanyak mengenai ulasan tulisan lampau (literature research). Dalam bab ini, beberapa kajian yang telah dijalankan di teliti dan pengaruhnya kepada kajian saya dijelaskan. Kaitan di antara kajian - kajian luar negeri dengan kajian saya juga dipertunjukkan. Bab ini seterusnya memberi beberapa definasi dan pengertian mengenai perkataan bias.

Bab 3 menghuraikan kaedah kajian ini. Ia menerangkan asal usul dan sifat - sifat kaedah membuat sampel. Beberapa masalah yang dihadapi dalam kajian dinyatakan juga. Seterusnya aspek aspek seperti punca - punca data, cara membuat sampel dan teknik kajian dijelaskan di sini.

Bab 4 merupakan satu bab di mana segala keputusan - keputusan analisa kajian disenaraikan dalam bentuk yang mudah serta jelas.

Bab 5 pula bermula dengan satu latar belakang akhbar " The New

Straits Times ", Utusan Malaysia dan Malaya Samachar. Maklumat untuk bahagian ini diperolehi dari Media Directory 1978/79 dan juga dari temuduga - temuduga kakitangan akhbar tersebut. Malangnya, beberapa cubaan untuk memperolehi satu edisi baru Media Directory tidak berhasil. Bahagian ini sengaja di letak di dalam bab ini supaya hasil kajian dapat di lihat dengan lebih jelas dan terperinci. Ini di ikuti oleh hasil kajian dengan penafsiran yang lebih mendalam.

Akhir sekali, bab 6 merupakan bab kesimpulan dan memberi satu ringkasan am pada kajian. Had - had kajian serta cadangan - cadangan untuk kajian yang selanjutnya dan mendalam dibincangkan. Tidak terlupa juga rujukan yang digunakan untuk kajian. Beberapa bacaan yang d dapati berfaedah dan memberi maklumat serta penerangan untuk menolong saya dalam kajian ini dicatitkan. Ini di ikuti pula oleh lampiran pada akhir kajian.